CARA-CARA SOLAT

Cara sembahyang yang betul adalah penting bagi memastikan ibadah solat kita diterima oleh Allah. Oleh yang demikian, kami menyediakan panduan ringkas tentang cara2 mengerjakan solat dengan kaedah yang betul sebagai panduan umum kepada kita semua.

Panduan dibawah ini adalah contoh rukun bagi solat **EMPAT RAKAAT** *(isya', zohor dan asar)*. Bagi solat maghrib dan subuh, hendaklah menurut bilangan rakaat solat tersebut iaitu tiga dan dua rakaat masing-masing.

NIAT SEMBAHYANG (EMPAT RAKAAT)

Usalli fardhaz '***isya'i*** arba'a raka'atin *(*)* adaan lillahi ta'ala

Ertinya:
Sahaja aku sembahyang fardhu ***(isyak)*** empat rakaat ***(*)*** tunai kerana Allah Ta'ala.

gantikan dengan ***asri*** ***(asar)*** atau #***zuhri*** ***(zohor)***
** tambahkan makmuman (mengikut imam), jika sembahyang berjemaah.*

Selaraskan dan rapatkan kedua-dua kaki, tangan juga hendaklah dirapatkan kerah badan.

Hendaklah berdiri betul menghadap kearah Kiblat, Kaabah (Arah bagi orang-orang Islam bersembahyang, tempat di mana arah matahari terbenam di Malaysia atau arah Barat)

Untuk lebih Khusyuk dalam sembahyang hendaklah tumpukan perhatian kepada sembahyang dan ketahuilah anda sekarang berhadapan dengan Allah serta pandanglah kearah tempat Sujud.

Rapatkan kedua-dua tangan ke paha ketika memasang niat dalam sembahyang yakni sebelum mengangkat takbir.

2 TAKBIRATUL IHRAM
BERDIRI SAMBIL MENGANGKAT TAKBIR

Allahu Akbar

Maksudnya:
Allah Maha Besar

Angkat kedua-dua tangan ke paras telinga selepas memasang niat dalam sembahyang sambil itu bertakbir seperti di atas.

Lintaskan didalam hati ketika waktu yang sama mengangkat takbir niat kita bersembahyang.

Lelaki - di bawah telinga
Perempuan - di bawah paras bahu

3 **BERDIRI RAKAAT PERTAMA (DO'A IFTITAH)**

TANGAN DI LETAKKAN DI ATAS PERUT *(PUSAT)*

أَقْـرَأُ دُعَاءَ الْإِفْتِتَاحِ

اَللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيرًا
وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. وَجَّهْتُ
وَجْهِيَ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ
حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ.
إِنَّ صَلَاتِيْ وَنُسُكِيْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِيْ
لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. لَا شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ
أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

Maksudnya:
Allah Maha Besar sebesar-besarnya. Dan puji-pujian bagi Allah sebanyak-banyaknya. Dan maha suci Allah siang dan malam. Kuhadapkan mukaku, kepada yang menjadikan langit dan bumi, aku cenderung lagi berserah kepada Allah dan bukanlah aku dari golongan orang-orang yang menyekutukan Allah. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku kuserahkan hanya pada Allah tuhan seru sekelian alam. Sekali-kali tidaklah aku menyekutukanNya . Dan dengan demikian aku ditugaskan, dan aku adalah dari golongan orang-orang Muslim (Islam).

Perempuan - Tangan di atas

Lelaki - Tangan memegang

Letakkan kedua tangan selepas mengangkat takbir *(tangan kanan di atas tangan kiri, beratkan ke sebelah kiri bagi lelaki).*

TERUSKAN DENGAN MEMBACA

Maksudnya:
Aku berlindung dengan Allah dari godaan syaitan yang kena rejam.

SURAH AL-FATIHAH

أقرأ سورة الفاتحة.

بسم الله الرحمن الرحيم .

الحمد لله رب العالمين . الرحمن
الرحيم . ملك يوم الدين . إياك
نعبد وإياك نستعين . اهدنا
الصراط المستقيم . صراط الذين
أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم
ولا الضالين . امين

Maksudnya:

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.

Segala puji-pujian bagi Allah tuhan seru sekelian alam. Yang maha pemurah lagi maha pengasih. Yang berkuasa pada hari pembalasan. Hanya Engkau sahaja wahai tuhan yang kami sembah dan hanya Engkau sahajalah tempat kami meminta pertolongan. Tunjukanlah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang terdahulu yang telah Engkau berikan nikmat, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

Amin (*) (Perkenankanlah permintaan Kami)

** Sambutlah perkataan Amin bersama-sama jika sembahyang jemaah, tunggu selepas imam membacanya kemudian anda baca fatihah.(jika sembahyang zohor dan asar anda dikehendaki membaca sendiri selepas bacaan do'a iftitah).*

KEMUDIAN BACA SEBARANG SURAH CONTOHNYA:

Maksudnya:

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.

Sesungguhnya Kami *(Allah)* telah kurniakan kepadamu *(Muhammad)* nikmat yang banyak. Maka dirikanlah sembahyang kerana *(syukur kepada)* Tuhanmu dan berkorbanlah. Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus.

4 **TAKBIR KERANA RUKUK**
BERDIRI SAMBIL MENGANGKAT TAKBIR

الله أكبر

Maksudnya:
Allah Maha Besar

Angkat kedua-dua tangan ke paras telinga sambil itu bertakbir seperti di atas.

RUKUK
TUNDUK DALAM KEADAAN 90 DARJAH

Maksudnya:
Maha suci Tuhanku yang Maha Agong dengan sifat kepujiannya.

Anda boleh juga membacanya lebih dari 3 Kali dengan kiraan ganjil contohnya 5X, 7X, 9X, 11X ataupun sekali dan sebagainya.

Kedudukan tangan bagi muslimat ketika melakukan rukuk, siku dirapatkan ke badan.

IK'TIDAL (KEMBALI BERDIRI SELEPAS RUKUK)
BERDIRI SAMBIL MEMBACA DOA

Maksudnya:
Allah mendengar orang yang memujinya.

Angkat kedua-dua tangan ke paras telinga dan baca ayat diatas.

IKTIDAL SELEPAS RUKUK
BERDIRI KEMBALI SEBELUM SUJUD

Ertinya:
Ya Tuhan kami, Bagimu segala puji.

** Rabbana lakalhamdu mil assamawati wamil ardhi wamil a'maasyita min syai i'nba'du.(Ya Tuhan kami, bagimu segala puji seisi langit dan bumi dan sebanyak yang Engkau kehendaki).*

Teruskan dari kedaan diatas menuju sujud yang pertama.

Maksudnya:
Maha Suci Tuhanku yang Maha Mulia dengan sifat kepujiannya.

Kedua tangan paras lantai, dahi juga hendaklah berkeadaan seperti di sebelah.

Maksudnya:
Allah Maha Besar

9 **DUDUK ANTARA DUA SUJUD**
DUDUK SEPERTI MELUTUT

Maksudnya:
Ya Tuhanku ampunilah aku, rahmatilah aku, perbaikilah aku, angkatlah darjatku, berilah aku rezeki, pimpinlah aku, afiatkanlah aku dan maafkanlah aku.

10 **SUJUD YANG KEDUA** (RUJUK KE LANGKAH KELAPAN)
TUNDUK HINGGA KE PARAS LANTAI

11 **BERDIRI PADA RAKAAT KEDUA** (RUJUK KE LANGKAH KETIGA)
TANPA MENGANGKATANGAN TERUS BACA

12 **SUJUD PERTAMA RAKAAT KEDUA** (RUJUK KE LANGKAH KELAPAN)
TUNDUK HINGGA KE PARAS LANTAI

DUDUK ANTARA DUA SUJUD RAKAAT KEDUA (LANGKAH 9)
DUDUK SEPERTI MELUTUT

SUJUD KEDUA RAKAAT KEDUA (RUJUK KE LANGKAH KELAPAN)
TUNDUK HINGGA KE PARAS LANTAI

BANGUN DAN SILA ULANGI LANGKAH YANG SAMA SETERUSNYA SEHINGGA RAKAAT KEEMPAT

TAHYAT AWAL
DUDUK BERSIMPUH SAMBIL MEMBACA TAHIYAT AWAL

اقرأ في التشهد الأول

التحيات المباركات الصلوات الطيبات
لله. السلام عليك أيها النبي ورحمة
الله وبركاته. السلام علينا وعلى
عباد الله الصالحين. أشهد أن لا إله
إلا الله. وأشهد أن محمدا رسول
الله. اللهم صل على محمد.

Maksudnya:

Salam dan sejahtera, sembah bakti dan segala kebaikan bagi Allah. Salam atasmu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatanNya. Demikian pula mudah mudahan dianugerahkan kepada kita dasn kepada segenap hamba-hambaNya yang soleh. Aku mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah. Dan aku mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Ya Allah berilah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kita Nabi Muhammad.

Apabila bacaan sampai kepada "Asyhadualla ilaha illallah" dan seterusnya, hendaklah mengangkat jari telunjuk sebelah kanan sehingga tahiyat awal berakhir.

17 TAHYAT AKHIR

DUDUK BERSIMPUH SAMBIL MEMBACA TAHIYAT AKHIR

أَقْرَأُ فِي التَّشَهُّدِ الأَخِيرِ

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ
لِلّٰهِ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ
وَبَرَكَاتُهُ. اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللّٰهِ
الصَّالِحِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللّٰهِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ. كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ. فِي الْعَالَمِينَ
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya:
Salam dan sejahtera, sembah bakti dan segala kebaikan bagi Allah. Salam atasmu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatanNya. Demikian pula mudah mudahan dianugerahkan kepada kita dasn kepada segenap hamba-hambaNya yang soleh. Aku mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah. Dan aku mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Ya Allah berilah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kita Nabi Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti apa yang telah Engkau anugerahkan kesejahteraan kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad. Seperti yang Engkau berkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Tinggi.

SALAM KE KANAN

Ertinya:
Sejahtera dan rahmat untukmu semoga dirahmati Allah.

Hendaklah berpaling ke arah kanan sambil memberi salam.

* *jika sembahyaang berjemaah hendaklah tunggu sehingga imam memberi salam terlebih dahulu*

19 SALAM KE KIRI

Ertinya:
Sejahtera dan rahmat untukmu semoga dirahmati Allah.

Berpaling ke arah kiri sambil memberi salam

Solat perlu dilakukan secara tertib mengikut rukun-rukun yang telah ditetapkan. Solat tersebut akan terbatal sekiranya tidak dilakukan mengikut tertib tersebut. Selain itu, setiap rukun yang dikerjakan perlu dilakukan dengan thomakninah.

SUMBER : PUSAT ZAKAT SELANGOR